

Impak melindungi pelarian terhadap Ekonomi Malaysia

The impact of protecting refugees on Malaysian Economic

Mohd Ramlan Mohd Arshad^{1,a*} & Mohammad Fajil Abd Batau²

^{1,2} Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara,
Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

^a Felo Bersekutu, Institut Penyelidikan Indonesia, Thailand dan Singapura,
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Malaysia
emel: mramlan2957@uitm.edu.my

Published: 24 June 2023

To cite this article (APA): Mohd Arshad, M. R., & Abd Batau, M. F. (2023). The impact of protecting refugees on Malaysian Economic: Impak melindungi pelarian terhadap Ekonomi Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(1), 13–24. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.1.2.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.1.2.2023>

Abstrak

Malaysia tidak menandatangani, Konvensyen Pelarian 1951 atau Protokol 1967. Oleh itu, kerajaan tiada bertanggungjawab untuk membantu pelarian tanpa kerakyatan yang mendapatkan perlindungan nyawa di negara ini. Walau bagaimanapun, kerajaan telah membantu kumpulan masyarakat terpinggir yang ditindas di negara asal mereka berdasarkan prinsip Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR) 1948. Kerajaan juga menerapkan konsep *non-refoulement* dalam melindungi nyawa pelarian. Mereka dibenarkan tinggal di negara ini terutamanya di pusat tahanan Imigresen Malaysia. Oleh hal yang demikian, kerajaan terpaksa menanggung kos yang terdiri daripada makanan, tempat tinggal, perbelanjaan operasi serta kos perubatan dalam mengendalikan komuniti pelarian. Beban ekonomi dalam mengendalikan pelarian telah memberi kesan kepada ekosistem ekonomi mikro dan makro di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu temu bual mendalam bersama pegawai tinggi kerajaan dalam hal ehwal ekonomi bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini berkaitan kesan penerimaan pelarian pelbagai negara terhadap ekonomi negara. Hasil kajian mendapati ekonomi Malaysia mengalami impak fiskal, pasaran buruh dan keluaran dalam negara kasar yang melibatkan pelarian dan spekulator. Hal ini dapat dilihat melalui kebocoran dalam hasil cukai dan manfaat ekonomi yang boleh dijana oleh kerajaan. Kajian ini telah memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam mengurus dan mentadbir pelarian tanpa kerakyatan di negara ini.

Kata kunci : impak, ekonomi, pelarian, perlindungan, Malaysia

Abstract

Malaysia is not a signatory to either the 1951 Refugee Convention or the 1967 Protocol. Therefore, there is no mandatory responsibility for the government to assist stateless refugees seeking refuge in the country. However, the government has helped marginalized groups who are oppressed in their country of origin based on the principles of the Universal Declaration of Human Rights (UDHR) 1948. In addition, the government also applies the concept of *non-refoulement* in protecting the lives of refugees. Therefore, they are allowed to stay in the country, especially in Malaysia's Immigration detention centers. As a result, the government has to bear the cost of running the refugee community which consists of food, shelter, operational expenses and medical cost. The economic burden of handling refugees has had an impact on the micro and macroeconomic ecosystem in Malaysia. This research uses a qualitative design with an in-depth interview with the government official responsible for economy because in order for the researcher to study in depth this issue that is related to the economic impact. The results of the study found that the Malaysian economy suffered losses in terms of taxes due

to the labour economy involving refugees and speculators. This can be seen through the issue of leakage in tax revenues and the economic benefits that was generated. Thus, this study is very beneficial to all parties involved in managing and administering stateless refugees in this country.

Keywords: *impact, economy, protection, refugees, Malaysia*

PENGENALAN

Kemasukan pelarian secara besar-besaran menyebabkan wujudnya ketidakseimbangan dan jumlah bantuan kewangan daripada Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Orang Pelarian (UNHCR). Peruntukan untuk menampung kos perumahan dan mata pencarian untuk pelarian menyumbang kepada kemerosotan ekonomi yang besar kepada kerajaan Malaysia. Kebimbangan ini wujud kerana terdapat 79.5 juta pelarian yang telah dipaksa atau meninggalkan negara mereka dengan 26 juta daripada mereka berumur di bawah 18 tahun (UNHCR, 2022). Angka-angka ini tidak termasuk berjuta-juta orang yang kewarganegaraannya tidak diiktiraf dan ditolak, kemudiannya dilabelkan sebagai pelarian tanpa kerakyatan. Pelarian tanpa kerakyatan ini dilaporkan mewakili 10 peratus daripada jumlah penduduk dunia disebabkan beberapa faktor seperti mereka terpaksa meninggalkan negara disebabkan oleh peperangan, isu politik atau penganiayaan yang berkaitan dengan kaum atau agama (Mohd Ramlan et al., 2021). Malaysia telah dikenal pasti sebagai salah satu negara penerima pelarian tanpa kerakyatan ini. Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada lebih 160,000 pelarian serta pencari suaka dan majoriti daripada mereka adalah dari Myanmar seperti yang dianggarkan (Todd et al., 2019). Bagi Malaysia, sejarah kemasukan pelarian tanpa kerakyatan telah bermula seawal tahun 1970-an (Munir-Asen, 2018). Kumpulan pelarian terawal dengan jumlah sebesar sekitar 250,000 orang pelarian dari Vietnam telah tiba di Pulau Bidong, Terengganu yang terletak di Malaysia Timur. Krisis ini berlaku pada penghujung Perang Vietnam antara 1975 dan 1991 serta diakui oleh Malaysia sebagai sebahagian daripada usaha belas kasihan oleh pihak kerajaan kepada kumpulan yang terbabit. Kerajaan Malaysia berjaya menguruskan pelarian Vietnam melalui kerjasama dengan UNHCR dan pertubuhan bukan kerajaan tempatan. Krisis pelarian Vietnam diisytiharkan selesai selepas kerajaan bersetuju untuk memindahkan kumpulan terakhir pelarian Vietnam ke negara ketiga seperti Australia dan Kanada pada tahun 1993.

Seterusnya, pelarian yang mendapatkan perlindungan di Malaysia ialah pelarian Cham yang telah melarikan diri atau terpaksa melarikan diri dari Khmer Rouge di Kemboja. Terdapat lebih ramai pelarian yang tiba di Malaysia *Borneo State*, iaitu Sabah yang kebanyakan pelarian tanpa kerakyatan dari Filipina. Pelarian Filipina yang berasal dari Mindanao ini telah dibenarkan untuk menetap dan tinggal selama-lamanya di Sabah dan Labuan. Statistik menunjukkan 73,000 pelarian telah didaftarkan dan 30,000 orang diberi permit kerja berikutan kekurangan tenaga buruh di Sabah antara 1976 dan 1985 (Munir-Asen, 2018). Berikutnya, pelarian Acheh datang ke Malaysia dari Indonesia pada tahun 2003 kerana konflik dalaman antara Gerakan Acheh Merdeka (GAM) dan Tentera Indonesia (TNI) (Todd et al., 2019). Dari perspektif sejarah menunjukkan bahawa sikap murni kerajaan Malaysia dalam memberi layanan kepada pelarian tetapi masih bergantung kepada beberapa faktor seperti konteks politik, budaya, dan juga keperluan ekonomi. Sikap ini telah membawa kepada krisis lanjut yang melibatkan pelarian daripada kumpulan yang dikenali sebagai Rohingya dari Myanmar yang telah tiba di Malaysia pada tahun 1990-an (Mohd Ramlan et al., 2021). Kedatangan pelarian Rohingya yang berterusan dan bilangan mereka semakin meningkat dari tahun 1990-an hingga 2020 berikutan peningkatan kes penganiayaan di Myanmar oleh Kerajaan Tentera Tatmadaw. Perkara ini menyebabkan pelarian Rohingya menjadi kumpulan pelarian tanpa kerakyatan terbesar dan mereka terus terpinggir di Malaysia (UNHCR, 2022). Sejak empat dekad yang lalu, Malaysia telah menjadi tempat orang pelarian mencari keselamatan dan perlindungan nyawa. Keadaan ini berlaku kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kestabilan dari segi kemakmuran politik dan ekonomi yang mengakibatkan Malaysia menjadi negara destinasi utama bagi pelarian dan pencari suaka. Penyertaan aktif Malaysia dalam membantu pelarian tanpa kerakyatan menyebabkan jumlah pelarian meningkat seperti Jadual 1.

Jadual 1: Pelarian Di Malaysia Tahun 2019-2022

Tahun	Jumlah Pelarian Di Malaysia
2020	160, 000
2021	178, 540
2022	181, 510

Sumber: UNHCR Malaysia 2020, 2021, 2022

Berdasarkan Jadual 1, terdapat seramai 160,000 pelarian tanpa kerakyatan telah ditempatkan di negara ini pada 2020, meningkat kepada 178,540 pada 2021 dan melonjak kepada 181,510 orang pada Januari 2022 (UNCHR, 2022). Statistik menunjukkan bahawa bilangan pelarian tanpa kerakyatan di Malaysia meningkat setiap tahun. Secara khusus, statistik menunjukkan bahawa pelarian Rohingya merupakan peningkatan tertinggi iaitu 102,020 orang pada 2021 kepada 103,560 orang pada 2022 (UNHCR, 2022). Selain itu, Malaysia juga merupakan negara tuan rumah bagi pelarian tanpa kerakyatan dari benua lain iaitu 6,760 Pakistan, 3,730 Yaman, 3,320 Syria, 3,220 Somalia, 2,830 Afghanistan, 1,680 Sri Lanka, 1,200 Iraq, 780 lain-lain. 67 peratus daripadanya adalah lelaki manakala 33 peratus adalah wanita dan terdapat 45,650 kanak-kanak di bawah umur 18 tahun (UNHCR, 2022) daripada jumlah pelarian tanpa kerakyatan di Malaysia. Seterusnya, statistik pelarian di Malaysia menunjukkan jumlah pelarian paling ramai di Semenanjung Malaysia menetap di Selangor iaitu 66,030 orang, Kuala Lumpur 27,370 orang, 18,660 orang di Pulau Pinang, 14,332 orang di Johor, 12,570 orang di Kedah, 5,780 orang di Terengganu, 5,630 orang di Pahang, 4,520 orang di Kelantan, 3,780 orang di Perak, 2,670 orang di Negeri Sembilan, 1,990 orang di Melaka, 450 orang di Putrajaya dan terakhir 280 orang di Perlis (UNHCR, 2022). Kewujudan jumlah pelarian yang besar di Malaysia memberi impak kepada ekonomi kerana mereka berpeluang memasuki tenaga kerja walaupun secara tidak sah. Mereka juga tidak membayar cukai pendapatan kepada kerajaan yang menyebabkan ketirisan dari segi hasil kerajaan. Oleh hal yang demikian, keadaan ini penting untuk menganalisis kesan daripada pelan tindakan kerajaan untuk melindungi pelarian di negara ini.

Sorotan Karya Pelarian dan Impak Ekonomi

Secara amnya, pelarian yang berada di Malaysia tidak dibenarkan memasuki pasaran buruh dalam pelbagai sektor ekonomi. Sekatan itu dikenakan kepada semua populasi pelarian di Malaysia, termasuklah Rohingya walaupun kebanyakan mereka tinggal di kawasan bandar (Aizat, 2022). Walau bagaimanapun, pelarian di Malaysia dikesan telah memasuki sektor tidak formal dengan melakukan pelbagai pekerjaan dan aktiviti untuk menjana pendapatan. Mereka menghadapi tekanan kos sara hidup yang tinggi, maka mereka perlu mencari rezeki kerana kekurangan akses dari segi bantuan kemanusiaan. Pada masa yang sama pelarian di Malaysia tidak mempunyai hak untuk bekerja. Dalam hal ini, mereka memasuki persekitaran kerja yang berbahaya, bergaji rendah dan tidak dilindungi adalah salah satu cara untuk mereka terus hidup terutamanya di kawasan bandar (Mohd Ramlan et al., 2021). Hujahan ini disokong oleh *Equal Right Trust* (2022) yang mengatakan bahawa pelarian tanpa kerakyatan telah memasuki sektor ekonomi tidak formal untuk mengekalkan perbelanjaan sara hidup mereka sambil mencari perlindungan di Malaysia. Terdapat kekangan dari sudut hak undang-undang pekerjaan di Malaysia yang menyebabkan pelarian mengalami diskriminasi dan penindasan di tempat kerja, namun mereka tidak mempunyai pilihan lain untuk memastikan mereka dapat menanggung kehidupan dan perbelanjaan harian keluarga mereka.

Keadaan ini tidak menghairankan kerana mereka tidak berhak mendapat sebarang bantuan kebajikan daripada kerajaan sedangkan sokongan daripada badan bukan kerajaan (NGO) tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas mereka. Walaupun terdapat pelarian yang diambil bekerja kerana kesanggupan mereka untuk bekerja sebagai pekerja haram, terutamanya dalam keadaan persekitaran kerja yang kotor, berbahaya dan bergaji rendah tetapi peluang pekerjaan adalah sangat terhad. Sebagai contoh, pada tahun 2021 hanya 9.4% pelarian telah diambil bekerja dalam sektor 3D (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Siasatan mendalam yang dijalankan oleh Nungsari dan Flanders

(2018) ke atas ekonomi pelarian di Malaysia mendapati situasi yang sama dan mereka menambah satu lagi sektor ekonomi iaitu industri pembinaan. Purata gaji harian pelarian yang bekerja di kawasan pembinaan adalah kira-kira RM 55.00 dan dilaporkan purata pendapatan bulanan mereka sekitar RM1,420. Bagi pekerja berkemahiran rendah di Malaysia situasi ini adalah lebih rendah daripada gaji pekerja tempatan. Selain itu, gaji pelarian yang bekerja dalam industri pembinaan juga tidak setara dengan rakan pelarian yang lain disebabkan eksploitasi dan banyak 'kos tidak jelas' berkaitan penggunaan pekerja berstatus pelarian seperti bayaran kepada ketua komuniti mereka serta kemungkinan wujudnya unsur rasuah. Selain itu, Bank Dunia (2022) mendapati pelarian yang datang ke Malaysia menghadapi kos migrasi yang tinggi, iaitu kira-kira RM9,000 hingga RM14,000 bergantung pada sektor pekerjaan dan negara asal. Kos ini termasuk levi pekerja asing, kos pengambilan, pemeriksaan perubatan, yuran pemprosesan imigresen, visa dan bon, serta perbelanjaan perjalanan yang mesti ditanggung oleh bakal majikan. Oleh itu, apabila mereka sampai ke Malaysia dan diambil bekerja pihak majikan akan memotong semula kos yang telah didahulukan semasa proses migrasi.

Seterusnya, selain tidak mempunyai hak undang-undang untuk bekerja, kebanyakan pelarian mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan dianggap buta huruf. Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2018 telah mewajarkan kedudukan mereka dengan menyediakan Kad Pertubuhan Pelarian PBB dan menjamin hak undang-undang mereka untuk bekerja adalah sama dengan hak rakyat tempatan (Buku Harapan, 2018). Namun begitu, usaha ini tidak diteruskan kerana kerajaan perubahan tampuk pemerintahan dan perubahan dasar negara. Sebenarnya, langkah pada tahun 2018 itu diambil bertujuan untuk mengurangkan permintaan negara terhadap pekerja asing dan mengurangkan risiko pelarian terlibat dalam aktiviti jenayah dan ekonomi gelap. Tambahan pula, pelarian berpotensi untuk memenuhi keperluan pekerja asing dalam pelbagai industri di Malaysia. Institut Penyelidikan Khazanah (2021) mendapati pelarian tidak boleh menggantikan pekerja Malaysia kerana mereka menduduki ruang ekonomi yang sangat berbeza daripada rakyat Malaysia dan tidak bersaing secara langsung dengan pekerja tempatan. Pengambilan pelarian untuk bekerja dianggarkan oleh Bank Dunia (2022) bahawa keadaan ini boleh memberi kesan kepada ekonomi Malaysia dalam jangka pendek dan panjang. Perkara ini berikutan kesan langsung yang berlaku memandangkan terdapat peningkatan dalam populasi pelarian yang bekerja telah meningkatkan hasil pendapatan. Penambahbaikan gaji akan memberi impak yang ketara kepada kehidupan mereka dan ekonomi Malaysia secara langsung.

Selanjutnya, aktiviti ekonomi pelarian bergantung kepada cara individu pelarian mencari rezeki melalui memanipulasi keupayaan, kemahiran, aset ketara dan tidak ketara mereka (Levine, 2022). Strategi untuk meningkatkan hasil pencarian yang dipilih oleh individu pelarian atau isi rumah mereka boleh ditentukan melalui akses kepada sumber, struktur dan proses yang membentuk laluan pekerjaan mereka. Ia adalah hubungan dinamik yang tidak boleh difahami semata-mata berdasarkan teknikal atau analisis mudah proses mendapatkan pekerjaan tetapi memerlukan rangka kerja komprehensif untuk menggubal dasar atau sebarang campur tangan oleh pihak kerajaan untuk menyokong atau menghadkan kemasukan pelarian ke sektor pekerjaan. Campur tangan melalui dasar mesti menangani beberapa faktor yang berkaitan dengan konteks tempatan seperti persekitaran undang-undang, ekonomi, kehidupan sosial, bandar atau luar bandar. Pada asasnya, hal ini akan mengubah cara campur tangan yang perlu dilaksanakan. Sepatutnya, pelarian diberikan ruang untuk menetap dan mencari pekerjaan di Malaysia tetapi mereka perlu tahu sempadan mereka supaya tidak melampaui batasan. Bagi memperbaiki keadaan ini, kerajaan telah mempertimbangkan untuk mewujudkan permit kerja sementara bagi membolehkan pelarian bekerja secara sah di Malaysia bagi memudahkan proses percukaian dilaksanakan. Oleh hal yang demikian, sistem sebegini berjaya diterima pakai dan dilaksanakan untuk mengeluarkan 10,000 visa kerja sementara pada tahun 2016. Status pelarian di Malaysia masih berada dalam keadaan tidak jelas dan samar walaupun kerajaan telah mengambil langkah sedemikian. Tindakan itu untuk menampung perbelanjaan pelarian bagi mengelak mereka terlibat dalam jenayah kerana kekurangan pendapatan kerana majoriti pelarian tinggal di kawasan bandar.

Selain itu, pelarian sering mengalami kerugian ekonomi kerana kekurangan peluang formal untuk mencari rezeki di Malaysia. Ekonomi tidak formal menawarkan pelarian dan pencari suaka untuk

memperoleh pendapatan, namun terdapat jurang gaji dan percukaian ke atas pekerja pelarian dan majikan. Bagi tahun 2000 hingga 2020, ekonomi tidak formal mewakili 31.5 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 158 negara secara purata termasuklah negara Malaysia (Lopez et al., 2022). Skala ini termasuk aktiviti ekonomi dan penggajian pelarian yang tidak menurut undang-undang, iaitu disembunyikan daripada pihak berkuasa. Kajian yang sama juga menganggarkan bahawa saiz purata ekonomi tidak formal antara 2004 dan 2015 adalah kira-kira 31.5 peratus daripada KDNK negara, walaupun terdapat trend penyusutan daripada 30.6 peratus kepada 26.1 peratus bagi tempoh tersebut. Hal ini memberikan kesan khususnya kepada ekonomi tidak formal Malaysia yang sedang berkembang pesat dan pekerjaan tidak formal telah menyumbang 39 peratus daripada jumlah pekerjaan Malaysia pada tahun 2017. Trend pengambilan pelarian didapati memberi kesan langsung kepada mikro dan makroekonomi Malaysia. Oleh itu, kajian tentang bagaimana kesan pelarian terhadap struktur ekonomi negara adalah penting untuk memastikan langkah fiskal dan monetari yang sewajarnya dapat diambil oleh pihak kerajaan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam bersama informan dari tiga orang pegawai ekonomi Malaysia berkaitan kesan terhadap ekonomi negara oleh pelarian yang merupakan fenomena sosial di Malaysia. Kaedah tafsiran (*intrepretivist*) diiktiraf sebagai kaedah terbaik kajian ini. Selain itu, kaedah tafsiran melalui pendekatan fenomenologi dalam penyelidikan kualitatif berkesan untuk mengkaji sesuatu impak fenomena sosial (Myers, 2013; Ryan, 2019). Sehubungan itu, kajian ini memerlukan tinjauan mendalam tentang fenomena sosial dan fenomenologi berlandaskan kepada pengalaman, tafsiran dan ulasan oleh pegawai kerajaan yang terlibat dalam menguruskan ekonomi negara bagi memenuhi objektif. Teknik ini sesuai dalam usaha mengkaji kesan ekonomi daripada menggaji pelarian. Reka bentuk kualitatif digunakan kerana penyelidik mesti mengkaji secara mendalam kesan ke atas ekonomi. Justeru itu, teknik temu bual mendalam dapat memberikan lebih banyak maklumat berkaitan fenomena yang dikaji. Ramai sarjana mencadangkan reka bentuk kualitatif, jika penyelidik ingin mendapatkan maklumat yang berkualiti sebalik sesuatu fenomena yang berlaku (Creswell & Poth, 2017; Flick, 2018; Ryan, 2019). Creswell dan Poth (2017) mencadangkan reka bentuk data yang bernilai boleh diwujudkan melalui maklumat kualitatif kerana maklumat daripada informan menjelaskan sebab berlakunya fenomena sosial yang sedang dikaji. Selain itu, Flick (2018) menjelaskan bahawa sebaiknya menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu andaian daripada subjek berbaloi dengan fenomena yang sedang diteliti. Tambahan pula, Ryan (2019) juga mencadangkan reka bentuk kualitatif dalam pendekatan *interpretive* berkaitan fenomena yang diteliti.

Selanjutnya, proses pengumpulan data melalui temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan data primer daripada para informan. Temu bual separa berstruktur membolehkan kefleksibelan dalam menjawab soalan dan membenarkan sudut pandangan informan diterokai (Daae & Boks, 2015). Penyelidik memilih untuk menggunakan temu bual separa berstruktur untuk memastikan maklumat yang mencukupi dikumpulkan tentang kesan pelarian terhadap ekonomi Malaysia. Perry (1998) menegaskan bahawa secara ringkasnya, julat yang diterima paling besar ialah antara dua hingga empat informan sebagai minimum dan sepuluh, dua belas atau lima belas sebagai jumlah maksimum informan walaupun tidak ada bilangan kes yang ideal. Selari dengan hujah ini, sesi temu bual telah dijalankan ke atas tiga orang wakil daripada jabatan ekonomi yang mewakili kerajaan persekutuan.

Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah persampelan *purposive*. Teknik persampelan ini mengehadkan jenis orang yang boleh memberikan maklumat yang dikehendaki, sama ada mereka sahaja yang memilikinya atau mengesahkan beberapa kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik (Sekaran & Bougie, 2009). Penetapan kriteria khusus dibuat dalam memilih pemberi maklumat iaitu hanya pegawai tinggi kerajaan yang mentadbir ekonomi Malaysia. Penyelidik menyoal pemberi maklumat tentang cara pelarian yang bekerja secara tidak sah di Malaysia menjejaskan struktur ekonomi dalam jangka pendek dan panjang. Para informan yang ditemu bual telah diberikan kebebasan untuk menjelas dan menggambarkan pandangan mereka terhadap soalan yang dikemukakan oleh penyelidik. Selain itu,

penyelidik menggunakan analisis tematik dengan bantuan NVIVO 12 yang merupakan perisian untuk penyelidikan kualitatif semasa analisis data. Dalam kaedah analisis data ini, penyelidik membentuk maklumat yang diterima, meringkaskan dan menganalisisnya ke dalam tema mengikut nod dan melaporkan penemuan dari segi perbincangan dan analisis tematik yang berkaitan (Creswell & Poth, 2017). Analisis yang dilakukan telah memenuhi keperluan penyelidikan kualitatif secara saintifik dan penemuan kajian ini boleh dipercayai dalam menjelaskan kesan melindungi pelarian terhadap ekonomi Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Impak Fiskal

Kesan fiskal daripada aliran masuk pelarian dilihat besar dan cenderung menjadi lebih positif dari masa ke masa di negara maju mahupun negara sedang membangun. Terdapat juga kecenderungan untuk memberi kesan negatif ke atas ekonomi, jika pelarian yang masuk ditindas dan didiskriminasi oleh majikan mereka. Namun begitu, perkara ini memberi impak besar terhadap keperluan tenaga kerja dalam negara setelah pelarian memulakan sesuatu pekerjaan. Di samping itu, keadaan ini juga akan melahirkan pekerja mahir dan separa mahir dalam kalangan mereka sekaligus memberikan impak kepada ekonomi Malaysia. Situasi ini akan memberi impak kepada sistem fiskal yang didorong oleh sistem percukaian di Malaysia. Hal ini kerana jika ramai pelarian membayar lebih banyak cukai dapat merangsang ekonomi dan mengurangkan kebergantungan kepada perkhidmatan kerajaan atau badan NGO (Clemens, 2021). Kajian ini telah mendapati bahawa pelarian yang bekerja tidak membayar cukai langsung kerana mereka bekerja secara tidak sah dan memasuki sektor berkemahiran rendah. Mereka masih membayar cukai tidak langsung yang ditentukan oleh tabiat penggunaan, misalnya cukai makanan dan minuman di restoran makanan segera, industri telekomunikasi, perhotelan dan pelancongan. Hasil kajian mendapati bahawa kesan purata aliran masuk pelarian ke atas gaji dan percukaian adalah besar walaupun mereka tidak mempunyai hak untuk bekerja. Berdasarkan temu bual bersama Informan A (temu bual mendalam, 10 Mac 2021) berkata:

...Saya mencadangkan agar kerajaan perlu memberikan kerakyatan separa kepada pelarian tanpa kerakyatan supaya mereka boleh mempunyai hak untuk bekerja dan ini akan memaksimumkan sumbangan mereka kepada kerajaan..

Informan B (temu bual mendalam, 20 Jun 2021) menguatkan hujah ini dengan kenyataan:

... Pelarian tanpa kerakyatan yang menghadapi halangan kepada kemungkinan kerja rasmi mungkin dieksploitasi dalam pasaran buruh. Mereka menghadapi pelbagai kesukaran, termasuk pembayaran mereka, risiko kecederaan, ketidakstabilan pekerjaan, kekurangan hak dan diskriminasi... -

Sekiranya mereka mempunyai status undang-undang atau hak untuk bekerja, penglibatan mereka dalam sumbangan fiskal negara akan lebih banyak. Informan C (temu bual mendalam, 30 Ogos 2021) berkata:

... Pada Mac 2016, Kabinet Malaysia bersetuju untuk memulakan projek perintis kerja untuk membenarkan 300 pelarian tanpa kerakyatan dengan kad berdaftar UNHCR bekerja secara sah di sektor perladangan dan pembuatan...

Pelarian tanpa kerakyatan yang bekerja di sektor yang diiktiraf oleh kerajaan, biasanya ditawarkan kerja berpendapatan rendah dan kadar bayarannya jauh ketinggalan berbanding warga tempatan. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mendapat pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik kerana perbelanjaan yang tinggi. Oleh itu Informan B (temu bual mendalam, 20 Jun 2021) mendakwa bahawa:

...Kerajaan mesti membantu pelarian tanpa kerakyatan mendapatkan akses kepada penjagaan kesihatan, membangunkan kemahiran dan pendidikan, dan menjadi berdikari, serta membantu dengan keperluan kebajikan mereka yang paling terdedah...

Semua informan bersetuju bahawa tidak ada keperluan untuk membenarkan pelarian terus menetap di negara ini selama-lamanya. Pihak kerajaan dan NGO perlu berganding bahu untuk memberikan latihan dan pekerjaan serta memasukkan pelarian bekerja di dalam senarai pembayar cukai. Hal ini merujuk kepada kenyataan ketiga-tiga informan iaitu '*mustahil pelarian dibenarkan tinggal selamanya, namun semasa berada di negara ini, adalah penting layanan percukaian dan pekerjaan secara adil dan saksama dengan rakyat tempatan*'.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh ialah penentu penting kepada prestasi ekonomi negara dan firma individu serta ganjaran pekerja iaitu upah dan tahap kepuasan pekerjaan (Alchatib, 2021). Oleh hal yang demikian, pengkalan kecukupan pasaran buruh di dalam membantu aktiviti ekonomi negara adalah penting kerana boleh menjejaskan ekonomi tempatan, tetapi memberi kesan besar kepada pasaran saham yang secara langsung mempengaruhi kemasukan pelabur asing. Sehubungan dengan itu, sekiranya kerajaan membenarkan hak bekerja kepada pelarian, maka usaha ini akan membantu ekonomi negara kerana boleh meningkatkan bekalan tenaga kerja, terutamanya dalam sektor hiliran dengan kemahiran yang rendah diperlukan kerana kebanyakan rakyat Malaysia tidak berminat dalam sektor ini. Langkah ini akan mengembangkan aktiviti ekonomi dan seterusnya dapat mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan meningkatkan pendapatan negara dan pekerja. Memperluaskan sumber kumpulan buruh asing boleh mengurangkan kos untuk perniagaan. Menurut Informan:

...Kebanyakan pelarian tanpa kerakyatan bekerja dalam pekerjaan berkemahiran rendah dan dengan itu ia membantu perniagaan dari segi tenaga kerja. Majikan tidak perlu membelanjakan banyak wang untuk mengimport pekerja dari negara lain sebaliknya mereka menggunakan pelarian tanpa kerakyatan yang telah menetap di Malaysia...(Informan C, temu bual mendalam, 30 Ogos 2021)

...Pelarian tanpa kerakyatan tidak membawa apa-apa kemudahan kepada rakyat Malaysia yang kurang berpendidikan kerana bilangan mereka sangat kecil jika hendak dibandingkan dengan rakyat Malaysia. Pelarian tanpa kerakyatan atau rakyat Malaysia boleh dipertimbangkan untuk pekerjaan asalkan mereka boleh menyumbang kepada impak yang lebih luas kepada ekonomi Malaysia...(Informan A, temu bual mendalam, 10 Mac 2021)

Akhirnya, semua perkara yang memberi impak yang lebih luas kepada ekonomi Malaysia adalah yang paling penting. Pelarian yang bekerja di Malaysia akan berbelanja untuk barangan dan perkhidmatan di Malaysia yang menyebabkan ekonomi domestik Malaysia berkembang. Asas ekonomi perlu dikuatkan melalui pekerjaan dan perniagaan yang dijalankan oleh rakyat Malaysia sendiri. Informan B (temu bual mendalam, 20 Jun 2021) menjelaskan isu ini seperti berikut:

...walaupun menggajikan pelarian tanpa kerakyatan adalah salah satu cara namun kerajaan harus memastikan rakyat tempatan diberikan keutamaan...mustahil untuk kita bergantung kepada orang asing untuk membina asas ekonomi negara...

Rakyat tempatan diperkasakan walaupun pasaran buruh boleh diisi melalui penggajian kumpulan pelarian. Sektor-sektor yang dikatakan berkemahiran rendah perlu diteliti semula untuk memastikan skop dan upahnya ditambah baik untuk menarik minat pekerja tempatan. Hal ini dijelaskan lagi oleh Informan B iaitu '*perkasakan sektor kemahiran rendah dengan upah dan layanan yang lebih baik supaya lebih ramai rakyat tempatan berminat*'.

Impak Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah jumlah nilai pasaran barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh ekonomi negara dalam tempoh tertentu. Dalam KDNK, tidak mengira siapa pemilikan dan semua barangan dan perkhidmatan akhir disertakan termasuk barangan yang dikeluarkan oleh entiti ekonomi yang wujud di dalam negara dan dijual dalam sebarang bentuk. Ia digunakan di seluruh dunia sebagai penunjuk utama pengeluaran dan aktiviti ekonomi (Hindy, 2021). Berdasarkan temu bual didapati:

...Menurut Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), dianggarkan perbelanjaan pelarian di Malaysia pada 2024 boleh mencecah RM1.6 bilion dengan anggaran SST dibayar, berjumlah RM40 juta...(Informan C, temu bual mendalam, 30 Ogos 2021).

Anggaran kesan ke atas KDNK jika diberi hak bekerja kepada pelarian akan menyumbang lebih daripada RM3 bilion kepada KDNK tahunan dengan meningkatkan perbelanjaan menjelang tahun 2024. Anggaran ini hanya impak ekonomi yang timbul daripada peningkatan dalam perbelanjaan akibat daripada peningkatan bilangan pelarian jika dibenarkan menyertai tenaga kerja secara sah. Di samping itu, jika pelarian tanpa kerakyatan berjaya memperoleh gaji yang lebih tinggi atau setanding dengan penduduk tempatan akan ada kesan tambahan dalam positif dan negatif kepada struktur ekonomi Malaysia. Informan B (temu bual mendalam, 20 Jun 2021) menyatakan bahawa:

...jika kerajaan membenarkan pelarian tanpa kerakyatan untuk pekerjaan yang sah, ia akan memberi lebih banyak kesan ekonomi melalui peningkatan dalam penggunaan dan pendapatan bercukai. Dalam kes sedemikian, kesan ekonomi menggaji pelarian tanpa kerakyatan secara amnya serupa dengan kesan ekonomi mengupah pendatang asing ...

Demikian itu dalam jangka masa panjang, melabur kepada pelarian tanpa kerakyatan akan menjana manfaat ekonomi yang besar. Kerajaan mesti memberi tumpuan kepada jangka panjang dan bukannya jangka pendek sahaja kerana ekonomi negara adalah penting untuk dikekalkan pada tahap stabil dan meningkat. Di samping itu, apabila kuasa beli pelarian meningkat selepas memasuki pasaran buruh, mereka akan memberikan pulangan ekonomi yang lebih ketara. Hal ini dijelaskan oleh Informan A (temu bual mendalam, 10 Mac 2021) seperti berikut:

...KDNK ialah satu asas ekonomi yang perlu diperhatikan secara serius...kemasukan pelarian tanpa kerakyatan ke dalam sektor perburuhan secara tidak sah bakal memberi impak kepada struktur mikro dan makro ekonomi yang secara langsung memberikan kesan kepada KDNK negara. Oleh itu, jika kerajaan tidak menghentikan kemasukan pelarian ini, maka satu model ekonomi yang mengambil kira kumpulan pelarian sebagai buruh perlu diperhalusi. Ini untuk mengekalkan berlakunya pasaran gelap dan jurang percukaian di negara yang memberi kesan kepada KDNK...Adalah tidak wajar mereka yang mendapatkan keuntungan dari entiti ekonomi tetapi terlepas daripada sistem KDNK negara. Justeru itu, isu pekerja dari kalangan pelarian perlu diteliti semula secara holistik...

PERBINCANGAN

Ekonomi awam ialah proses menganalisis hasil dan perbelanjaan pihak berkuasa awam dan menyesuaikan untuk mencapai hasil yang diinginkan dan mengelakkan kesan yang tidak diinginkan. Kerajaan juga mesti memainkan peranan khas dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara selain daripada mengekalkan kestabilan harga, (Tsuda, 2022). Dalam isu ekonomi, pelarian dan rakyat Malaysia adalah dua kumpulan yang sama iaitu boleh memberi sumbangan yang besar. Sebagai contoh,

pengembangan pasaran pengguna untuk produk tempatan, pembukaan pasaran baharu, pengenalan teknologi baharu, penciptaan pekerjaan dan memenuhi permintaan pasaran. Ada yang berpendapat bahawa kedatangan pelarian ini boleh mengganggu struktur ekonomi negara. Namun, ianya amat menguntungkan sekiranya pelarian ini dijadikan aset membangunkan ekonomi dalam sesebuah negara. Kerajaan perlu menyalurkan setiap pelarian dengan betul ke dalam sistem ekonomi untuk mencapai keuntungan yang besar. Kehadiran pelarian yang ramai tidak memberi impak yang besar kepada ekonomi, kecuali peningkatan permintaan terhadap barangan keperluan seperti makanan ruji yang boleh menyebabkan harga yang lebih tinggi akibat permintaan yang lebih tinggi untuk barangan tersebut. Perkara ini juga akan menjadikan ekonomi negara berkembang dengan baik. Kedatangan pelarian ke negara lain boleh meningkatkan pekerjaan dan permintaan dalam ekonomi melalui dasar fiskal yang lebih baik dapat dibuktikan (Cesnutyte et al., 2022).

Dasar fiskal mencerminkan penggunaan kewangan negara yang menggabungkan pendapatan dan penggunaan dengan sempurna. Hal ini boleh dilakukan dengan menyelaraskan rancangan kewangan negara untuk menentukan sumber gaji dan cara membelanjakannya serta menganalisis trend pelaburan (Betts et al., 2022). Kedatangan pelarian ke negara Malaysia tidak akan memberi kesan yang besar kepada bajet fiskal negara kecuali pihak kerajaan menggunakan tenaga kerja mereka secara tersusun untuk membantu pasaran ekonomi negara. Malaysia masih belum mencapai gelaran negara maju, namun negara ini tetap menerima kedatangan pelarian kerana sifat kemanusiaannya. Kita sedia maklum bahawa pelarian juga adalah manusia yang hidup dalam fitrah manusia. Mereka juga perlu makanan, pakaian dan mereka juga menggunakan kemudahan yang disediakan untuk memudahkan urusan harian mereka seperti pengangkutan awam. Dari segi komitmen fiskal, didapati pelarian sekarang membayar caj yang diselaraskan oleh kerajaan persekutuan namun bukanlah secara wajib seperti pekerja tempatan (Todd et al., 2019). Sehubungan dengan itu, penilaian semula impak pelarian ke atas dasar fiskal negara perlu diperhalusi kerana kajian ini mendapati mereka berpotensi untuk memberi kesan positif dan negatif kepada struktur mikro dan makro ekonomi negara.

Pasaran buruh ialah tempat pertemuan penawaran dan permintaan ekonomi iaitu jumlah pekerjaan tersedia dan dilaksanakan ketimbang dengan jumlah bayaran upah, gaji dan cukai yang dikenakan (Mutascu & Hegerty, 2022). Para sarjana telah membuktikan bahawa pasaran buruh merupakan elemen penting dalam mengembangkan ekonomi sesebuah negara. Tetapi apabila ia melibatkan pelarian, jika pelarian bekerja maka mereka berpotensi untuk menutup peluang pekerjaan, terutamanya peluang pekerjaan rakyat Malaysia sendiri bahkan ramai rakyat Malaysia kini menganggur terutamanya akibat wabak yang melanda negara (Shahir Adnan, 2020). Kerajaan juga sedar bahawa kadar pengangguran di Malaysia meningkat dari tahun ke tahun maka peluang pekerjaan jika diisi oleh pelarian akan menyumbang lagi kepada peningkatan kadar pengangguran rakyat Malaysia (Shahir Adnan, 2020). Pemberian hak secara mutlak kepada pelarian untuk bekerja akan memberi kesan negatif kepada ekonomi yang lebih meluas. Secara jelasnya, keadaan ini boleh menyumbang kepada impak yang positif jika kerajaan meregulasikan pelarian untuk mengisi sektor pekerjaan yang dilakukan oleh pekerja asing. Kebergantungan kepada pekerja asing dapat dikurangkan dengan memobilisasi pelarian yang sedi ada di negara ini. Hal ini dapat mengurangkan kos kepada majikan tetapi dapat memberikan hasil yang maksimum (Todd et al., 2019).

Berdasarkan kajian, faktor pengangguran rakyat Malaysia adalah disebabkan oleh kekurangan kemahiran insaniah dan tuntutan gaji yang tidak masuk akal dengan kelayakan, pengalaman dan kemahiran yang ada (Cesnutyte et al., 2022). Jadi secara logiknya, majikan akan mengambil mereka yang mempunyai kriteria terbaik dalam pemilihan pekerjaan berbanding status kewarganegaraan kerana syarikat secara asasnya mementingkan keuntungan. Penganalisis juga menyatakan bahawa salah satu pemboleh ubah yang menyumbang kepada isu pengangguran dalam kalangan graduan Malaysia ialah kualiti graduan dari sudut pentadbiran, penyelesaian masalah, komunikasi, autoriti, inventif, pemikiran asas, proaktif, keyakinan diri, dan kebolehan interaksi (Tsuda, 2022). Jika ada pelarian yang pakar dalam industri tertentu dengan bukti kelayakan mereka, Malaysia harus mengambil peluang untuk membantu mereka dan pada yang sama membantu pembangunan negara kita juga. Sebahagian daripada pelarian mempunyai tahap pendidikan yang tinggi dan pakar dalam bidang yang mereka pelajari. Mereka tidak dapat bekerja di negara mereka sendiri kerana penindasan kaum. Kebenaran mereka

bekerja dalam negara dengan menggunakan kepakaran yang mereka ada dapat membantu menyumbang kepada ekonomi dan pasaran buruh negara kita dan pada masa yang sama dapat menyumbang pelbagai manfaat dalam industri seperti berkongsi pendapat dan pandangan serta ilmu baru.

Seterusnya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah jumlah penggunaan individu, usaha niaga kediaman persendirian bersih, perdagangan bersih barangan dan perkhimatan, dan penggunaan oleh kerajaan (Betts et al., 2022). Disebabkan itu KDNK adalah elemen penting untuk memantau ekonomi negara. Mengenai pelarian, KDNK akan terkesan dengan kedatangan mereka kerana kemudahan pada awal ketibaan mereka seperti tempat tinggal, air, dan elektrik disediakan tanpa mendapat pulangan. Pelarian datang dengan harapan untuk mendapatkan bantuan maka kerajaan telah membelanjakan peruntukan kewangan untuk pelarian meneruskan kehidupan. Oleh itu, jika pelarian ini mempunyai pekerjaan, mereka akan menanggung pembelian dan perbelanjaan sendiri yang secara langsung memberi impak kepada KDNK negara berbanding kerajaan sendiri yang mengeluarkan perbelanjaan. Pengiraan KDNK menganggarkan bahawa jika pelarian dibenarkan mendapat pekerjaan, mengikut standard dengan penduduk tempatan, komitmen mereka terhadap KDNK akan meningkat kepada lebih RM6.6 bilion setiap tahun secara bersih menjelang 2040 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Jelasnya, melindungi pelarian bakal memberi impak kepada ekonomi negara, namun sama ada ianya impak positif atau negatif adalah bergantung kepada pelan kerajaan untuk memastikan impak positif secara maksimum ke atas ekonomi dapat diperolehi.

Ekonomi amat penting kepada negara kerana ia merupakan penanda aras kemajuan negara dimana ekonomi negara yang rendah akan memberi kesan kepada rakyatnya. Di Malaysia, sektor swasta merupakan antara penggerak utama ekonomi negara. Namun begitu, sektor lain turut memainkan peranan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Beberapa dekad yang lalu, ramai pelarian telah memilih untuk berpindah ke Malaysia atas faktor seperti ekonomi, agama dan mengimpikan kehidupan baharu yang lebih baik. Namun, Malaysia tidak lagi boleh menampung lebih ramai pelarian kerana sumber dan kapasitinya telah mencapai had ditambah pula dengan kesan buruk pandemik COVID-19 ke atas ekonomi negara. Ini menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia marah kerana jumlah pelarian di negara ini terlalu ramai. Ramai pelarian yang datang ke Malaysia terpaksa menghadapi masalah ekonomi seperti pengangguran dan tiada jaminan pekerjaan kerana tidak mempunyai permit bekerja. Ini menjadikan hidup mereka sukar dan terpaksa bergelut untuk meneruskan kehidupan dan menyara keluarga mereka. Sebahagian daripada mereka mendapat pekerjaan seperti di tapak pembinaan, pekerja kilang, pembantu penjaja, pemungut besi buruk, dan pengumpul kotak. Pekerjaan berkemahiran rendah akan diberi gaji yang rendah sahaja. Dengan gaji yang begitu rendah, agak sukar untuk mereka mengubah nasib hidup mereka di Malaysia. Tambahan pula, ramai pelarian sukar mendapatkan pekerjaan kerana majoriti majikan tidak mahu mengambil pelarian sebagai pekerja tetap. Ini kerana majikan bimbang mereka akan didenda oleh agensi penguatkuasaan kerana mengambil pelarian sebagai pekerja tanpa dokumen yang sah. Oleh itu, pelarian terpaksa menerima apa yang ditawarkan oleh majikan walaupun gaji yang ditawarkan sangat rendah. Akhirnya, melindungi pelarian boleh memudaratkan ekonomi negara tetapi impak positifnya lebih besar sekiranya regulasi ke atas pelarian yang memasuki pasaran buruh dilaksanakan.

Rakyat Malaysia dan pemimpin perlu sedar tentang perbezaan antara pelarian dan pekerja asing. Hari ini kita tahu bahawa pekerjaan berkemahiran rendah didominasi oleh warga asing tetapi bukan pelarian. Mereka adalah pekerja asing yang datang secara sukarela untuk menambah pendapatan mereka. Berbeza dengan pelarian yang datang secara paksa untuk menyelamatkan nyawa mereka. Justeru, sekiranya tiada hak pekerjaan diberikan kepada pelarian maka kerajaan mungkin tidak menggunakan peluang yang ada dengan sebaiknya dalam meningkatkan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, pembuat dasar, pemimpin dan pihak yang berkepentingan perlu memikirkan kaedah yang terbaik untuk menangani masalah pelarian bagi mengelak sebarang masalah yang lebih buruk berlaku pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati terdapat pelbagai impak yang diberikan oleh pelarian terhadap ekonomi Malaysia. Namun, kajian ini lebih cenderung kepada kesan positif mendahului kesan negatif. Ini kerana kedatangan pelarian ke Malaysia boleh membantu dalam meningkatkan tahap ekonomi Malaysia seperti membantu ekonomi negara kerana boleh meningkatkan bekalan tenaga kerja terutamanya dalam sektor hiliran dengan kemahiran yang rendah diperlukan kerana kebanyakan rakyat Malaysia tidak berminat dalam sektor ini. Tetapi, untuk mencapai hasil positif secara maksimum, kerajaan Malaysia perlu mewujudkan peraturan berhubung kedudukan pelarian di Malaysia. Ini termasuk hak untuk bekerja dan penganugerahan peraturan aktiviti yang perlu mereka patuhi. Pelbagai aspek perlu diambil dalam melaksanakan sebarang undang-undang berkaitan pelarian ke Malaysia. Ini bukan sahaja dapat membantu dalam meningkatkan taraf ekonomi Malaysia malah ia juga dapat membantu pelarian meningkatkan taraf hidup mereka. Hal ini amat penting untuk diteliti secara komprehensif kerana kumpulan pelarian membantu dalam meningkatkan ekonomi negara tetapi pada masa yang sama kerajaan perlu memastikan keharmonian, kestabilan sosial dan keselamatan negara terjamin..

RUJUKAN

- Aizat, K. (2022). The Role of Islamic Religious Department of Selangor in Managing Rohingyas Refugees' Marriage. *TEST Engineering and Management*, 8, 8030 -8034.
- Alchatib, S. R. (2021). The Political and Economic Impacts of Rohingya Refugee Crisis: Challenges and Opportunities of Humanitarian Intervention in Post-Conflict Space. *Insignia: Journal of International Relations*, 5.1, 88-101.
- Bank Dunia. (2022). Out of the Shadows: The Impact of Amnesties on the Lives of Migrants. <https://www.worldbank.org/en/events/2022/02/08/migration-regularization>
- Betts, A., Stierna, M. F. Omata, N., Sterck, O. (2022). Social Cohesion and Refugee-Host Interactions: Evidence from East Africa. *Policy Research Working Paper;No. 9917*. World Bank, Washington, DC.
- Bryman, A. 2016. *Social research methods*. Oxford University Press.
- Buku Harapan. 2018. Membina Negara Memenuhi Harapan. https://store.ubah.my/Manifesto_PH_BM.pdf
- Burrell, G., & Morgan, G. (2017). *Sociological paradigms and organisational analysis: elements of the sociology of corporate life*. Routledge.
- Česnuitytė, V., Klimczuk, A., Miguel, C., & Avram, G. (2022). *The Sharing Economy in Europe Developments, Practices, and Contradictions*. Palgrave MacMillan, Switzerland.
- Clemens, M. A. (2021). The Fiscal Effect of Immigration: Reducing Bias in Influential Estimates. *CESifo Working Paper No. 9464*, SSRN.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2017). *Qualitative inquiry and research design: choosing among five approaches*. Sage publications.
- Daae, J., & Boks, C. 2015. A classification of user research methods for design for sustainable behaviour. *Journal of Cleaner Production*, 106, 680–689.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2022). Vital Statistics, Malaysia, 2021. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php>
- Equal Right Trust. (2022). *Global Centre for Excellence in Equity Law: Strategy 2018-2022*. Equal Right Trust, London, UK.
- Flick, U. (2018). *An introduction to qualitative research*. Sage Publications Limited.
- Hindy, L. (2021). Germany's Syrian Refugee Integration Experiment. *Syrian Studies Association Bulletin*, 25(1), 1-12.
- Institut Penyelidikan Khazanah. (2021). Building Resilience: Towards Inclusive Social Protection in Malaysia. <http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Booklet>
- Leviene, C. (2022). *Art as Social Practice: Technologies for Change*. Routledge, New York.
- López, R. A., Andrews, A., & Medina, A. (2022). Exit as Care: How Motherhood Mediates Women's Exodus From Violence in Mexico and Central America. *Violence Against Women*, 28(1), 211-231.
- Mohd Ramlan, M. A, Mohd Na'eim, A., & Aizat, K. (2021). An Analysis on Education, Healthcare and Advocacy Roles of NGO for Rohingya Refugees in Malaysia. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(13), 4546 – 4554.
- Munir-Asen, K. (2018). (Re) negotiating refugee protection in Malaysia: implications for future policy in refugee management. *Discussion Paper, No. 29/2018*. Deutsches Institut für Entwicklungspolitik (DIE), Bonn.

- Mutascu, M., & Hegerty, S. W. (2022). The role of refugees in the underground economy of the European Union. <https://doi.org/10.2478/izajodm-2022-0002>
- Myers, M. D. (2013). *Qualitative research in business and management*. Sage Publication.
- Nungsari, M., & Flanders, D. S. (2018). *A Comprehensive Study of Rohingya Construction Workers in Peninsular Malaysia and Recommendations for a Future Work Pilot Program*. <https://asb.edu.my/researchpapers/melati-nungsari-a-comprehensive-study-of-rohingya-construction-workers>
- Perry, C. (2018). Processes of a Case Study Methodology for Postgraduate Research in Marketing. *European Journal of Marketing*, 32(9), 785 – 802.
- Ryan, G. (2019). Introduction to positivism, interpretivism and critical theory. *Nurse Researcher*, 25(4), 14-20.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2020). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. 8th edition, United Kingdom: John Wiley and Son.
- Shahir Adnan, (2020). *Pengangguran pasca-Covid-19*. Jun 17 <https://www.malaysiakini.com/news/530666>
- Todd, L., Adli, A., & Shin, W. Y. (2019). The Economic Impact of Granting Refugees in Malaysia the Right to Work. *Policy Ideas No 60*. IDEAS, Malaysia.
- Tsuda, S. (2022). Refugee inflows, surplus farm labor, and crop marketization in rural Africa. *Journal of Development Economics*, 155.
- UNHCR. (2022). *Global Appeal 2022*. United Nation, Geneva, Switzerland.